



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



SIARAN MEDIA

17 JULAI 2019
UNTUK SIARAN SERTA MERTA

CYBERSECURITY MALAYSIA JALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU UNTUK TERUS KOMITED PERKASA BIDANG KESELAMATAN SIBER

CYBERJAYA – Isu keselamatan siber kini menjangkau lebih dari hanya penggunaan internet dan komputer. Seajar perkembangan Industri 4.0., penggunaan komputeran awan (*cloud computing*) telah menguasai pasaran ekonomi digital dan juga industri. Pelbagai peranti pintar berhubung secara terus dengan penyimpanan awan (*cloud storage*) melalui internet. Namun, jika kemajuan teknologi dan Industri 4.0 ini disalahgunakan, maka kita akan terdedah kepada pelbagai ancaman siber.

Industri pendidikan turut menggunakan komputeran awan secara meluas untuk tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Dalam hal ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) juga menekankan penglibatan industri dalam pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam merangka silibus berfokuskan industri dan perkongsian pengalaman kepada para pelajar. Kerjasama ini juga membuka peluang kepada staf dan pelajar untuk mendapat pensijilan profesional daripada pihak industri. Selain itu, dalam bidang penyelidikan, penyelidik UMT juga dapat memohon geran sepadan dengan CyberSecurity Malaysia bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

Justeru, langkah proaktif diperlukan bagi memastikan keselamatan komputeran awan di pelbagai industri, termasuk bidang pendidikan. Maka, pada hari ini CyberSecurity Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama untuk memperkasa keselamatan siber khususnya berkaitan komputeran awan, Industri 4.0 dan Skim *Global Accredited Cybersecurity Education (ACE)*.

Majlis berlangsung di Menara Cyber Axis, Cyberjaya dan disempurnakan oleh oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia



Securing Our Cyberspace



T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu.

Menurut Dato' Ts. Dr. Amirudin Abdul Wahab, "Keupayaan untuk berhubung dengan selamat ke sistem awan adalah elemen penting dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif. Adalah penting bagi institusi pengajian tinggi seperti UMT, di mana pelajar semakin giat belajar mengenai format digital, kakitangan dan pelawat sentiasa mengakses dan berkongsi maklumat secara dalam talian, dan lebih banyak fungsi infrastruktur dan kemudahan diuruskan menggunakan pengkomputeran awan. CyberSecurity Malaysia menerima aduan mengenai pelbagai insiden berkaitan keselamatan siber. Insiden ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu kejadian teknikal dan insiden berkaitan data, di mana CyberSecurity Malaysia juga membantu agensi penguatkuasaan undang-undang dalam kes berprofil tinggi. Kerjasama di antara CyberSecurity Malaysia dan UMT ini dijalankan pada masa yang tepat, di mana MoU ini merupakan kerjasama antara UMT yang mewakili pihak akademik dan CyberSecurity Malaysia mewakili industri."

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar pula berkata "UMT sangat aktif di dalam memperkukuhkan kerjasama di antara rakan industri melalui pelbagai platform seperti industri dalam pengajaran dan pembelajaran, pembangunan dan inovasi, perundingan dan banyak lagi aktiviti lain. Elemen pemindahan ilmu sangat penting bagi mempercepatkan penciptaan inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan. Hal ini telah diketengahkan sebagai lonjakan yang ketujuh (Ekosistem Inovasi) di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Ahli akademik UMT juga telah diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing dengan pembiayaan geran yang diperolehi dari pelbagai agensi dan sumbangan mereka kepada industri dan masyarakat sangat penting untuk kelestarian global. Dengan itu, kerjasama dengan rakan industri di dalam bidang keselamatan siber adalah tepat pada masanya sejajar dengan perkembangan semasa dunia".

Melalui kolaborasi ini kedua belah pihak telah bersetuju untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan, pengujian, pengauditan, program latihan dan kesedaran. Selain itu, jalinan kerjasama ini juga turut merangkumi pelaksanaan skim Global Accredited Cybersecurity Education (ACE) dan Latihan Kecekapan.

Selaras dengan objektif tersebut, kedua-dua pihak sepakat untuk membangunkan kerjasama fokus yang meliputi aktiviti seperti berikut:

- a) Penyediaan platform penyimpanan awan, perkhidmatan nasihat keselamatan siber dan penilaian keselamatan siber mengenai infrastruktur dan aplikasi pengkomputeran awan yang selamat oleh CyberSecurity Malaysia;
- b) Penyelidikan dan pembangunan serta penilaian keselamatan berkaitan teknologi Industri 4.0 secara bersama;
- c) Program kesedaran keselamatan siber oleh CyberSecurity Malaysia;
- d) Sukatan pelajaran dan pendidikan menggunakan sistem e-pembelajaran berhubung dengan skim Global ACE dan latihan kecekapan secara bersama;
- e) Penerbitan bersama kertas akademik;
- f) Latihan perindustrian untuk pelajar pascasiswazah atau pelajar sarjana atau program cuti sabbatical untuk tenaga pendidik Universiti Malaysia Terengganu;
- g) Personel CyberSecurity Malaysia sebagai profesor tambahan, pensyarah tambahan atau panel penasihat industri kepada Universiti Malaysia Terengganu.



YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu bertukar dokumen yang ditandatangani

~ Tamat ~

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila emel: media@cybersecurity.my atau

hubungi +603-8008 7237, Mohd Shamil Mohd Yusoff / Zul Akmal Abdul Manan +603-8008 7242